



BULETIN SEMARAK API



OKTOBER 2008

PERCUMA

KONTIGEN PERBARISAN RAIH KEMENANGAN

Kontigen perbarisan Majlis Perbandaran Sepang sempena hari kemerdekaan peringkat Negeri Selangor telah meraih tempat kedua. Ia telah diadakan di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam. Baju seragam yang berkonsepkan cyber teknologi telah menghasilkan satu kelainan dan mendapat perhatian pada malam tersebut.



Kontigen Perbarisan MPSepang

Business Name

KANDUNGAN:

KONTIGEN PERBARISAN RAIH KEMENANGAN	1
BENGKEL RETREAT AHLI MAJLIS	1
PASUKAN FUTSAL RAIH KEMENANGAN	2
KAKITANGAN WANITA MPSepang BERMESYUARAT	2
CERAMAH AGAMA	2
SAMBUT RAMADHAN 1429H	
DIALOG PENDUDUK TAMAN PUTRA PRIMA	2

ANDA YANG BERMINAT MENYUMBANG PENDAPAT ATAU KARYA SILA BERHUBUNG DENGAN:

Bahagian Perhubungan Awam,
Jabatan Perancangan Korporat,
Majlis Perbandaran Sepang,
Persiaran Semarak Api,
63200 Cyberjaya

BENGKEL RETREAT AHLI MAJLIS

Pada 18 Ogos lalu, satu Bengkel Retreat Ahli-ahli Majlis, MPSepang telah diadakan di Hotel Marriot di sini. Pelbagai idea dan percambahan fikiran telah dikemukakan semasa program tersebut. Peserta telah dibahagikan kepada 4 kumpulan. Program sehari tersebut turut disertai oleh Tn. Azizan b. Mohamad Sidin, Yang Dipertua, MPSepang.



Sepanjang bengkel



18-Aug-08 3:40 pm

PASUKAN FUTSAL RAIH KEMENANGAN

Pasukan futsal MPSepang kategori wanita telah menjadi johan kejohanan futsal anjuran Prima Avenue. Pertandingan akhir diadakan di Dataran Prima Avenue, Cyberjaya pada 20 Ogos 2008. Pertandingan yang dibuka kepada semua organisasi sekitar Cyberjaya adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan pekerja-pekerja organisasi di Cyberjaya.



Gambar beramai-ramai

KAKITANGAN WANITA MPSepang BERMESYUARAT

Pada 15 Ogos 2008, satu Mesyuarat Pemilihan AJK Persatuan Wanita MPSepang telah diadakan di auditorium Taman Tasik Cyberjaya. Mesyuarat telah membentangkan laporan jawatankuasa sesi lepas dan pemilihan AJK baru bagi sesi 2008/2010. Mesyuarat dimeriahkan dengan acara cabutan bertuah.



Wajah-wajah pengurusan baru

CERAMAH AGAMA SAMBUT RAMADHAN 1429H

Ceramah agama sempena menyambut Ramadhan Al Mubarak 1429H telah diadakan di surau MPSepang pada 28 Ogos lalu. Ceramah telah dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan dan dihadiri oleh kakitangan-kakitangan MPSepang.



Ceramah oleh
Ustaz Jaafar
b. Kayat

DIALOG PENDUDUK TAMAN PUTRA PRIMA

Dialog penduduk Taman Putra Prima bersama pihak MPSepang telah diadakan pada 24 Ogos 2008 di kediaman Pengerusi Penduduk Taman Putra Prima, Puchong. Dialog tersebut telah membincangkan keperluan infra penduduk. Turut diadakan Majlis Pemilihan AJK Persatuan Penduduk bagi sesi baru.



Antara pegawai yang hadir